

Oleh Presiden
Henry B. Eyring
Penasihat Pertama di
dalam Presidensi Utama



Mengenali, Mengingati, dan Memberi Kesyukuran

Tuhan tanya kita untuk memberi kesyukuran kepada Dia untuk berkat-berkat yang kita terima daripada-Nya. Adalah mudah bagi kita untuk menjadi tidak sedar dalam doa kesyukuran kita, selalu mengulangkan kata-kata yang sama tanpa berniat untuk memberi kesyukuran sebagai satu kurnia hati kepada Tuhan. Kita harus “berterima kasih . . . di dalam Roh” (A&P 46:32) supaya kita boleh berasa kesyukuran yang benar terhadap perkara yang sudah diberi kepada kita.

Bagaimana kita boleh ingatkan mahupun satu bahagian yang sudah Tuhan lakukan untuk kita? Rasul Yohanes mencatatkan perkara yang sudah diajar oleh Juruselamat tentang kurnia peringatan yang datang dari kurnia Roh Kudus: “Tetapi Roh Tuhan, Penolong yang akan diutus oleh Bapa demi nama-Ku, akan mengajar kamu segala-galanya dan akan mengingatkan kamu segala yang telah Aku katakan kepada kamu” (Yohanes 14:26).

Roh Kudus memperingatkan kita perkara yang sudah Tuhan ajar kita. Salah satu cara Tuhan mengajar kita adalah melalui berkat-berkat-Nya; jadi, jika kita memilih untuk menggunakan iman, Roh Kudus akan bawakan kebaikan hati Tuhan kepada peringatan kita.

Anda boleh mengujikan perkara ini dalam doa hari ini. Anda boleh mengikut perintah “Engkau hendaknya

berterima kasih kepada Tuhan dalam segala sesuatu” (A&P 59:7).

Presiden Ezra Taft Benson (1899–1994) mencadangkan bahawa doa merekakan masa untuk berbuat demikian. Dia kata: “Nabi Joseph berkata bahawa salah satu dosa yang paling besar yang dilakukan oleh Orang-orang Suci Zaman Akhir ialah dosa ketidaksyukuran. Saya percaya kebanyakan kita tidak fikir bahawa itu ialah satu dosa yang besar. Kita bercenderung untuk meminta Tuhan dalam doa dan pemohonan kita demi berkat tambahan. Tetapi kadang-kala saya berasa kita perlu membaktikan lebih banyak doa kita untuk menunjukkan kesyukuran dan berterima kasih terhadap berkat yang sudah kita terima. Kita menikmati banyak perkara.”¹

Anda boleh mempunyai pengalaman ini hari ini dengan kurnia Roh Kudus. Anda boleh mulakan satu doa persendirian dengan hati yang bersyukur. Anda boleh mula mengira berkat anda dan kemudian berhenti buat sekejap. Jika anda gunakan iman, dengan kurnia Roh Kudus, anda akan mengingat berkat-berkat lain yang sudah anda terima. Jika anda menunjukkan kesyukuran untuk setiap berkat itu, doa anda akan lebih panjang. Peringatan akan datang, kesyukuran juga akan datang.

Anda juga boleh cuba buat demikian bila anda menulils dalam jurnal anda. Roh Kudus sudah menolong

orang lain semenjak permulaan masa. Anda ingat dalam buku Musa, ia berkata, “Dan sebuah kitab kenangan disimpan, yang di dalamnya dicatat, dalam bahasa Adam, kerana diberikan kepada sebanyak yang meminta kepada Tuhan untuk menulis melalui roh ilham” (Musa 6:5).

Presiden Spencer W. Kimball (1895–1985) menghurai tentang proses tulisan yang berilham itu: “Mereka yang menyimpan satu buku kenangan akan lebih mematuhi Tuhan dalam peringatan kehidupan harian mereka. Jurnal ialah satu cara untuk mengira berkat-berkat kita dan untuk meninggalkan satu sejarah bagi keturunan kita.”²

Bila anda mula menulis, anda boleh menanya diri sendiri, “Bagaimana Tuhan memberkati saya dan orang yang saya kasihi hari ini?” Jika anda selalu buat demikian dan dengan beriman, anda akan mengingat berkat-berkat anda. Dan kadang-kala anda akan menerima kurnia kepada peringatan anda bila anda gagal untuk menyedari berkat sepanjang hari tetapi anda akan tahu Tuhan sudah mempengaruhi anda.

Saya berdoa supaya kita terus berusaha dalam iman untuk mengenali, mengingatkan dan memberi kesyukuran demi perkara yang sudah dilakukan dan masih dilakukan oleh Bapa Syurgawi dan Juruselamat kita untuk membolehkan kita kembali kepada Mereka.

NOTA

1. Ezra Taft Benson, *God, Family, Country: Our Three Great Loyalties* (1974), 199.
2. Spencer W. Kimball, “Listen to the Prophets,” *Ensign*, May 1978, 77.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Dalam pesanannya, Presiden Eyring menjemput kita untuk mengingat kebaikan hati Bapa Syurgawi dalam doa-doa kita. Berbincang bersama mereka yang anda ajar bagaimana berdoa dengan kesyukuran boleh menolong kita mengenali pengaruh Tuhan dalam hidup kita. Bertimbang untuk berlutut dan berdoa bersama mereka yang anda ajar dan mencadang kepada

orang yang berdoa bahawa dia hanya mengucapkan kesyukuran.

Anda juga boleh mengaji kepentingan kesyukuran dengan membaca ayat-ayat berikut sebagai tambahan dari ayat-ayat yang sudah disebut oleh Presiden Eyring: Mazmur 100; Mosia 2:19–22; Alma 26:8; 34:38; Ajaran dan Perjanjian 59:21; 79:19; 136:28.

REMAJA

Buat Inventori

Presiden Eyring memetik Presiden Spencer W. Kimball (1895–1985) dengan berkata bahawa “jurnal ialah satu cara bagi kita untuk mengira berkat-berkat kita dan untuk membuat satu inventori tentang berkat-berkat itu untuk keturunan kita.” Dalam persidangan umum pada bulan Oktober tahun 2012, Presiden Thomas. Monson berikan kesaksiannya tentang menulis dalam jurnal. Dia kongsi pengalamannya, “Jurnal harian saya, yang sudah saya simpan buat banyak tahun, menolong untuk memberikan aspek tertentu yang akan saya lupa jika tidak dicatat.” Dia terus berkata, “Buat satu inventori tentang kehidupan anda dan cari berkat-berkat tertentu, yang besar dan yang kecil, yang sudah anda terima” (*Consider the Blessings, Liahona dan Ensign*, Nov. 2012, 86). Berusaha untuk mengikut nasihat dari para nabi ini dan buat matlamat untuk menulis dalam jurnal anda.

KANAK-KANAK

Banyak cara untuk Mengucapkan Terima kasih

“Pada ketamatan hari di seluruh dunia, kanak-kanak Bapa Syurgawi berlutut dan berdoa, Setiap orang mengucapkan terima kasih dengan cara istimewa.”

“Children All Over the World,” Children’s Songbook, 16.

Gunakan satu peta untuk mengenal pasti negara-negara di mana bahasa-bahasa berikut diucapkan. Adanya di antara bahasa-bahasa ini diucapkan dalam lebih daripada satu negara!

1. gracias (bahasa Sepanyol)
2. malo (bahasa Tongan)
3. thank you (bahasa Inggeris)
4. shukriyaa (bahasa Hindi)
5. spaseba (bahasa Rusia)
6. arigatō (bahasa Jepun)
7. obrigado (bahasa Portugis)
8. asante (bahasa Swahili)
9. merci (bahasa Perancis)



Iman, Keluarga, Pertolongan

kebajikan

Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudari yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri. Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Tujuan kebajikan Gereja adalah untuk menolong ahli-ahli gereja menjadi bergantung pada diri sendiri untuk menjaga orang yang miskin dan orang yang berkeperluan, dan untuk memberi pelayanan. Kebajikan ialah pusat kerja Lembaga Pertolongan. Presiden Henry B. Eyring, Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama, mengajar:

“Dari permulaan masa, [Tuhan] sudah sediakan cara-cara bagi para pengikut-Nya untuk melayan. Dia sudah jemput anak-anak-Nya untuk memberikan masa mereka, kewangan mereka, dan untuk mengambil bahagian bersama Dia untuk melayan orang lain. . . .

“Dia telah meminta dan memerintah kita untuk turut serta dalam pekerjaan-Nya untuk meningkatkan mereka yang berkeperluan. Kita buat perjanjian untuk berbuat demikian dalam air pembaptisan dan dalam bait suci Tuhan. Kita memperbaharui perjanjian ini pada hari Ahad apabila kita mengambil sakramen.”¹

Di bawah arahan uskup atau presiden cabang, para pemimpin tempatan membantu dalam pertolongan rohani dan kebajikan

jasmani. Peluang untuk melayan biasanya bermula dengan pengajar berkunjung yang mencarikan ilham untuk menjawab keperluan setiap saudari yang mereka kunjungi.

Dari Tulisan Suci

Lukas 10:25–37; Yakobus 1:27; Mosia 4:26; 18:8–11; Ajaran dan Perjanjian 104:18

Dari Sejarah Kita

Pada hari bulan Jun 9, tahun 1842, Nabi Joseph Smith menugaskan para saudari dalam Lembaga Pertolongan untuk “menyenangkan yang miskin” dan untuk “menyelamatkan jiwa.”² Matlamat-matlamat ini masih berada dalam hati Lembaga Pertolongan dan ditunjukkan dalam moto kita, “Ihsan tidak gagal” (1 Korintus 13:8).

Presiden umum Lembaga Pertolongan kita yang ke lima, Emmeline B. Wells, dan penasihat-penasihatnya melancarkan moto ini pada tahun 1913 sebagai satu peringatan tentang prinsip-prinsip penubuhan kita: “Kita mengisytiharkan bahawa tujuan kita adalah untuk . . . [berpegang] ketat kepada pengajaran Nabi Joseph Smith yang

berilham bila dia mewahyukan rancangan di mana para wanita dikuasakan melalui panggilan imammat untuk dikumpulkan dalam organisasi yang sesuai demi tujuan untuk melayan yang sakit, menolong yang berkeperluan, menyenangkan hati yang tua, memberi amaran kepada yang berwaspada, dan menyokong anak-anak yatim piatu.”³

Hari ini Lembaga Pertolongan mempengaruhi seluruh dunia bila para saudari berikan ihsan, iaitu kasih murni Kristus, kepada jiran-jiran mereka (lihat Moroni 7:46–47).

NOTA

1. Henry B. Eyring, “Opportunities to Do Good,” *Liahona* dan *Ensign*, May 2011, 22.
2. Joseph Smith, dalam *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 63.
3. *Daughters in My Kingdom* 63.

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

1. Bagaimana saya bersedia untuk menjaga diri sendiri dan keluarga saya secara rohani dan jasmani?
2. Bagaimana saya boleh mengikut teladan Juruselamat bila saya menolong para saudari yang saya jaga?